



KENYATAAN SEBUTHARGA MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

a) Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat yang beralamat di **Negeri Selangor** dan dikenalpasti berpengalaman dalam bidang berkaitan serta berdaftar dengan agensi-agensi berikut:-

- i) Kementerian Kewangan Malaysia
- ii) Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)
- iii) Majlis Perbandaran Selayang (MPS)

b)

BIL	NO. SEBUTHARGA	TAJUK PROJEK	KOD BIDANG	HARGA (RM)	TARIKH JUAL DAN TUTUP
1.	MPS/SH/137/18	Cadangan Kerja-Kerja Membekal, Membina, Memasang, Menghantar Dan Menguji Terima Mesin Pengisar Kayu Dan Lain-Lain Perkara Yang Berkaitan Untuk Jabatan Landskap, Majlis Perbandaran Selayang	130102 Peralatan Kejuruteraan Dan Mesin Pengeluaran > Mesin, Kelengkapan Bengkel Dan Mesin Pengeluaran > Mesin Dan Kelengkapan Khusus	80.00	01/10/2018 Hingga 08/10/2018

c) Dokumen sebutharga boleh didapati di Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan, Tingkat 6, Menara Majlis Perbandaran Selayang, dari jam 8.30pagi – 12.45 tengahari, 2.15 petang – 4.30 petang (Isnin – Khamis), 8.30 pagi – 12.00 tengahari, 3.00 petang – 4.30 petang (Jumaat).

d) Bayaran boleh dibuat **secara tunai** di Majlis Perbandaran Selayang (bayaran ini tidak akan dikembalikan).

e) Dokumen sebutharga akan dikeluarkan kepada wakil syarikat yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil syarikat dikehendaki membawa bersama **Surat Wakil Kuasa**.

f) Pihak syarikat yang berminat hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL DAN SALINAN** yang masih sah tempoh untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen :

- i) Sijil Pendaftaran Asal **Kementerian Kewangan Malaysia**
- ii) Salinan Surat Perakuan Pendaftaran dengan **Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)**

g) Dokumen sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan, Tingkat 6, Menara Majlis Perbandaran Selayang, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan** tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup sebutharga.

h) Untuk maklumat lanjut sila hubungi **Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan** di talian **03-6126 5838**.

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**